



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG**

NO. KENYATAAN TENDER

PSUKPP/TENDER/1/2016

TENDER

**“PEMBANGUNAN DATA *LIGHT DETECTION
AND RANGING (LIDAR)* DAN ORTOFOTO
BAGI KAWASAN DAERAH SEBERANG
PERAI UTARA UNTUK PANGKALAN DATA
GIS NEGERI PULAU PINANG”**

TAHUN 2016

NO. KENYATAAN TENDER : PSUKPP/TENDER/1/2016**KANDUNGAN**

1.0	KENYATAAN TENDER	1 ~ 3
2.0	ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT TENDER	4 ~ 12
3.0	LAMPIRAN :-	
3.1	LAMPIRAN A - SENARAI SEMAK	
3.2	LAMPIRAN B- - KETERANGAN MENGENAI PETENDER	
3.3	LAMPIRAN C - SURAT AKUAN PETENDER	
3.4	LAMPIRAN D - SURAT AKUAN PEMBIDA	
3.5	LAMPIRAN E - JADUAL SPESIFIKASI TEKNIKAL	
3.6	LAMPIRAN F - SKOP PELAKSANAAN KERJA	
3.7	LAMPIRAN G - JADUAL SENARAI HARGA	
3.8	LAMPIRAN Q - ARAHAN PERBENDAHARAAN 170	

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI**TENDER BAGI “PEMBANGUNAN DATA *LIGHT DETECTION AND RANGING* (LIDAR) DAN ORTOFOTO BAGI KAWASAN DAERAH SEBERANG PERAI UTARA UNTUK PANGKALAN DATA GIS NEGERI PULAU PINANG”****NO. KENYATAAN TENDER : PSUKPP/TENDER/1/2016****TARIKH : 22 FEBRUARI 2016****KENYATAAN TENDER****1. PELAWAAN TENDER**

Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan/perkhidmatan di bawah **kepala dan sub-kepala 221201** (Perkhidmatan-Khidmat Udara/Laut/Darat-Topografi/LIDAR) serta berkeupayaan bagi melaksanakan **TENDER “PEMBANGUNAN DATA *LIGHT DETECTION AND RANGING* (LIDAR) DAN ORTOFOTO BAGI KAWASAN DAERAH SEBERANG PERAI UTARA UNTUK PANGKALAN DATA GIS NEGERI PULAU PINANG”** di Pusat PEGIS, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

2. PENDAFTARAN

Syarikat-syarikat yang ingin membeli tender ini dikehendaki mendaftar melalui **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** di **Kaunter sysP, Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan Negeri, Tingkat 22, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang** dan dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran asal daripada Kementerian Kewangan dan Sijil Pusat Khidmat Kontraktor berserta salinannya dan *business card* (salinan sijil dan *business card* tidak dikembalikan).

3. DOKUMEN TENDER

- 3.1. Dokumen tender boleh dibeli melalui **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** di alamat url <http://ep.penang.gov.my>.
- 3.2. Harga setiap dokumen ialah RM50.00 senaskah. Pembayaran hendaklah dibuat melalui **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** di alamat url <http://ep.penang.gov.my>.
- 3.3. Dokumen Tender ini mengandungi lampiran-lampiran sepertimana berikut:
 - a) Kenyataan Tender PSUKPP/TENDER/1/2016
 - b) Lampiran A – Senarai Semak Tawaran Tender.
 - c) Lampiran B – Keterangan Mengenai Petender.
 - d) Lampiran C – Surat Akuan Petender.
 - e) Lampiran D – Surat Akuan Pembida.

- f) Lampiran E – Jadual Spesifikasi Teknikal.
- g) Lampiran F – Skop Pelaksanaan Kerja.
- h) Lampiran G – Jadual Senarai Harga.
- i) Lampiran Q – Arahan Perbendaharaan 170

**Bagi semua sub-perkara (b) hingga (i) adalah dokumen mandatori yang perlu dilampirkan di dalam tawaran tender.*

4. PENYERAHAN CADANGAN TENDER

- 4.1. Semua cadangan dokumen tender hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat berlakri dan ditanda pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat sepertimana berikut:

TENDER BAGI “PEMBANGUNAN DATA *LIGHT DETECTION AND RANGING* (LIDAR) DAN ORTOFOTO BAGI KAWASAN DAERAH SEBERANG PERAI UTARA UNTUK PANGKALAN DATA GIS NEGERI PULAU PINANG”

NO. KENYATAAN TENDER : PSUKPP/TENDER/1/2016

- 4.2. Semua cadangan tender hendaklah diserahkan dengan tangan atau surat berdaftar dan mestilah dimasukkan ke dalam peti tender yang telah ditentukan pada waktu pejabat pada atau sebelum tarikh dan masa tutup tawaran seperti alamat di bawah;

Penyelaras,
Pusat PEGIS,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 48, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang.

- 4.3. Pusat PEGIS tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan atau kehilangan borang-borang penyertaan tender akibat daripada kesilapan peti serahan tender atau tender-tender yang dihantar melalui pos.

5. TARIKH DAN MASA TUTUP TENDER

- 5.1. Tarikh tutup tender adalah pada **15 Mac 2016 (Selasa), jam 12.00 tengahari.**
- 5.2. Tender-tender hendaklah sampai ke alamat yang telah dinyatakan di atas pada atau sebelum tarikh dan masa tersebut. Tender-tender yang lambat diterima tidak akan dipertimbangkan.

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan tawaran tender ini hendaklah dialamatkan kepada:-

Penyelaras,
Pusat PEGIS,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 48, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang.

7. PERINGATAN

7.1. Petender perlu mengambil perhatian supaya **TIDAK** menggunakan nama, alamat dan logo syarikat atau apa-apa tanda pengenalan syarikat pada setiap muka surat dokumen cadangan tender termasuk sampul surat **KECUALI** pada dokumen-dokumen berikut sahaja:

- a) Lampiran A – Senarai Semak Tawaran Tender.
- b) Lampiran B – Keterangan Mengenai Petender.
- c) Lampiran C – Surat Akuan Petender.
- d) Lampiran D – Surat Akuan Pembida.
- e) Lampiran E – Jadual Spesifikasi Teknikal.
- f) Lampiran F – Skop Pelaksanaan Kerja.
- g) Lampiran G – Jadual Senarai Harga.
- h) Lampiran Q – Arahan Perbendaharaan 170
- i) Maklumat/Profail Syarikat.
- j) Surat litup (*covering letter*) dokumen tender
- k) Cadangan Pelan Pelaksanaan Projek (disediakan oleh petender)

7.2. Petender hanya perlu mengemukakan satu set cadangan tender sahaja tanpa sebarang "**option**". Kegagalan mematuhi perkara ini akan menyebabkan semua cadangan tender tersebut ditolak.

7.3. Hanya satu cadangan tender yang menawarkan spesifikasi dan harga terbaik sahaja akan dipilih dan keputusan Jawatankuasa Perolehan Negeri adalah muktamad.

NO. KENYATAAN TENDER : PSUKPP/TENDER/1/2016**ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT TENDER****1.0 PENDAHULUAN**

- 1.1 Semua syarikat yang hendak menyertai tender ini hendaklah terlebih dahulu berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi skop kerja untuk tender ini.
- 1.2 Hanya tender-tender yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat yang membeli borang tender melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) yang diakui melalui resit rasmi sahaja akan diterima untuk menyertai tender ini.
- 1.3 Pelawaan ini adalah terikat kepada Arahan Dan Syarat-Syarat kepada petender yang dikembarkan bersama-sama ini.
- 1.4 Petender-petender hendaklah mematuhi sepenuhnya semua syarat-syarat ini (perenggan 1.3) apabila menyertai tender. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan, membolehkan tender tersebut tidak dapat dipertimbangkan dan ditolak.

2.0 SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh petender.

2.1 Keadaan Barang

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2.2 Harga

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

2.3 Bekalan Sebahagian

Tender boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

2.4 Barang Setara

Tender boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

2.5 Persetujuan

- i. Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima tender yang terendah atau mana-mana tender; dan
- ii. Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu tender yang berasingan.

2.6 Pemeriksaan

- i. Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- ii. Petender hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

2.7 Perakuan Menyatakan Spesifikasi Telah Dipatuhi

Petender dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

2.8 Penolakan

- i. Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui tendernya boleh ditolak;
- ii. Apabila diminta, petender hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- iii. Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

2.9 Pengiklanan

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana tender boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri atau Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

2.10 Tafsiran

Tender ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan petender bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai tender ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

2.11 Insurans

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam tender.

2.12 Cukai

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

2.13 Pembungkusan

- i. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- ii. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

2.14 Pengenalan

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

3.0 SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

3.1 Dokumen Tender

- i. Hanya borang asal diterima untuk maksud tender ini. Borang-borang tambahan yang hendak digunakan mestilah mempunyai ukuran yang sama, mengandungi ruang yang sama dan serupa dengan borang asal. Semua dokumen tender hendaklah seboleh-bolehnya ditaip menggunakan komputer.
- ii. Hanya tender yang lengkap sahaja akan diproses. Tender yang tidak lengkap atau tidak ditandatangani akan ditolak secara automatik.
- iii. Sebarang pindaan yang dibuat ke atas mana-mana ruangan mestilah dipotong dan ditandatangani ringkas dan tarikh hendaklah dicatatkan dengan terang setentang dengan apa-apa perubahan yang dibuat. **Penggunaan pemadam dakwat adalah tidak dibenarkan.**

- iv. Kesemua petender yang menghantar dokumen tender hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida adalah seperti di **Lampiran D**. Surat Akuan Pembida adalah dokumen **WAJIB** yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran petender.

3.2 Spesifikasi

- i. Penentuan (spesifikasi) item-item yang dikehendaki adalah sepertimana yang dinyatakan dalam **Jadual Spesifikasi Teknikal (Lampiran E)** yang dikembarkan bersama-sama ini.
- ii. Sebarang tuntutan kenaikan harga bagi mana-mana item yang timbul akibat daripada perbezaan di antara pentafsiran Kerajaan Negeri dengan petender mengenai spesifikasi item-item yang berkenaan tidak akan dilayan selepas tawaran tender dihantar.

3.3 Cadangan Pelan Pelaksanaan Projek

Petender diwajibkan untuk menghantar satu naskah cadangan pelan pelaksanaan projek yang lengkap bagi maksud tender ini. Sila gunakan format berikut bagi penyediaan cadangan tersebut;

- i. Pilih *font* Arial,
- ii. Pilih *font size* 12,
- iii. Mempunyai tajuk tender, no. kenyataan tender, nama syarikat petender dan cadangan pelan pelaksanaan projek. (rujuk **Skop Pelaksanaan Kerja – Lampiran F**)

3.4 Cagaran Keselamatan

- i. Petender-petender yang berjaya, dikehendaki memberi Cagaran Keselamatan untuk memastikan kontrak dilaksanakan mengikut syarat-syarat dalam kontrak. Bagi kontrak bekalan yang dinilainya tidak melebihi RM500,000/- setahun, Cagaran Kontrak akan dikenakan dengan kadar 2.5% daripada jumlah kontrak. Bagi kontrak bekalan yang bernilai RM500,000/- atau lebih setahun, petender-petender yang berjaya dikehendaki memberi Cagaran Kontrak dengan kadar 5% daripada jumlah kontrak. Cagaran Kontrak ini hendaklah dalam bentuk jaminan bank daripada bank-bank yang berdaftar di Malaysia yang diluluskan. Bagi kontrak-kontrak yang bernilai tidak lebih daripada RM500,000/- Jaminan Insuran daripada Syarikat Insuran yang berdaftar di Malaysia yang diluluskan bolehlah diterima selain daripada jaminan bank.

- ii. Cagaran Keselamatan akan dikembalikan setelah kontrak dilaksanakan dengan memuaskan. Sekiranya kontrak itu tidak dilaksanakan dengan memuaskan, maka Cagaran Keselamatan itu akan dirampas.
- iii. Cagaran Keselamatan hendaklah dikemukakan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh surat setuju terima tawaran dikeluarkan.
- iv. Petender hendaklah menggunakan format cagaran keselamatan yang telah disediakan tanpa pindaan. Tempoh sahlaku cagaran ini hendaklah tamat satu (1) tahun selepas kontrak tersebut.
- v. Petender adalah digalakkan untuk memohon secara bertulis bagi mendapatkan semula jaminan cagaran setelah kerja-kerja seperti di dalam Arahan dan Syarat-Syarat Tender ini disiapkan dengan jayanya.

3.5 Katalog/Risalah Produk

- i. Petender dikehendaki menghantar satu salinan katalog yang memberikan maklumat terperinci berhubung produk yang ditawarkan.
- ii. Semua katalog/risalah mestilah di dalam Bahasa Malaysia atau Inggeris.

3.6 Penghapusan Deposit Tender/Menarik Balik Tawaran

Petender-petender tidak diperlukan untuk mengemukakan deposit tender. Walau bagaimanapun, andainya ada petender yang menarik balik tawaran sebelum tender dipertimbangkan atau yang menolak tawaran setelah tawaran dibuat, tindakan untuk menggantung pendaftaran syarikat tersebut akan diambil seperti berikut:-

- i. Dua (2) tahun bagi kesalahan kali pertama.
- ii. Lima (5) tahun bagi kesalahan kali kedua.
- iii. Pendaftaran akan dibatalkan terus bagi kesalahan berikutnya.

3.7 Setuju Terima Tender

- i. Kerajaan Negeri adalah berhak menyetuju terima tender tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagian daripadanya. Kerajaan Negeri tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.
- ii. Kerajaan Negeri juga berhak untuk memilih lebih daripada satu petender untuk satu-satu kontrak jika difikirkan memberi faedah kepada Kerajaan Negeri.

- iii. Keputusan Kerajaan Negeri adalah muktamad. Kerajaan Negeri tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan dari petender-petender mengenai sebab-sebab tawaran mereka tidak berjaya.

3.8 Kontrak

- i. Petender yang berjaya adalah diwajibkan mengikat satu Kontrak dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- ii. Syarat dalam penentuan tender dan syarat-syarat dalam surat tawaran adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.
- iii. Petender yang berjaya dikehendaki menyediakan Kontrak Asal serta salinan-salinan fotostat kontrak dan disetemkan. Perbelanjaan tersebut akan ditanggung oleh petender yang berjaya.

3.9 Perubahan Syarat-Syarat

- i. Kerajaan Negeri sentiasa berhak mengubah dari semasa ke semasa syarat-syarat yang terkandung dalam kontrak dan mulai dari tarikh yang dinyatakan oleh Kerajaan Negeri barang-barang yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut.
- ii. Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi pengeluaran atau tempoh pengeluaran, maka harga barang-barang yang terlibat dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan kedua-dua pihak secara bertulis.

3.10 Pengiklanan

Tiada maklumat mengenai kontrak boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telahpun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri terlebih dahulu.

3.11 Jaminan

- i. Semua data dan maklumat yang dibekalkan mestilah diberi jaminan oleh petender atau syarikat pembekal sekurang-kurangnya minimum **satu (1) tahun**.
- ii. Sekiranya dalam tempoh jaminan, Kerajaan Negeri mendapati data dan maklumat tersebut tidak memuaskan atau rosak bukan disebabkan oleh penyalahgunaan atau kecuaiian Kerajaan Negeri, petender hendaklah membaiki dan jika perlu mengganti mana-mana data atau maklumat yang tidak berfungsi dengan memuaskan dalam tempoh jaminan tersebut tanpa apa-apa bayaran tambahan.

-
- iii. Sekiranya petender gagal mengganti/membaiki data atau maklumat berkenaan dengan memuaskan maka Kerajaan Negeri boleh sama ada:
 - a) Mendapatkan mana-mana orang berkelayakan bagi mengganti/membaiki data atau maklumat itu di mana semua kos yang kena bayar bagi tujuan tersebut hendaklah ditanggung oleh petender; ATAU
 - b) Memulangkan data atau maklumat berkenaan dan petender hendaklah membayar denda, pampasan dan kos-kos yang terlibat dengan pemulangan itu.
 - iv. Sekiranya kelambatan penggantian atau pembaikan mana-mana data atau maklumat yang tidak mengikut spesifikasi dengan memuaskan maka Kerajaan Negeri boleh mengenakan denda terhadap petender sebanyak satu peratus (1%) daripada harga data atau maklumat itu pada setiap tujuh (7) hari kelambatan tetapi tidak melebihi lima peratus (5%) harga data atau maklumat itu.

3.12 Cara Pesanan

- i. Petender yang berjaya dikehendaki membekalkan semua bekalan dalam tempoh **tiga (3) hingga empat (4) minggu** dari tarikh yang dinyatakan dalam surat setuju terima. Apa-apa pesanan tambahan bagi data atau maklumat yang tidak disenaraikan akan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh masa kontrak berjalan. Bila pesanan demikian dikeluarkan, bekalan hendaklah disempurnakan dalam tempoh **dua (2) bulan** daripada tarikh pesanan dikeluarkan.
- ii. Pembangunan data atau maklumat mestilah tidak **melebihi tempoh lima (6) bulan** daripada tarikh surat setuju terima dikeluarkan.

3.13 Pemeriksaan Sebelum Penerimaan

- i. Dokumen **Akuan Penerimaan** hendaklah ditandatangani bersama oleh pihak Kerajaan Negeri dan Petender kepada kontrak ini jika didapati ianya menepati spesifikasi yang ditetapkan.
- ii. Dokumen **User Acceptance Test (UAT)** hendaklah ditandatangani bersama oleh pihak Kerajaan Negeri dan Petender jika didapati semua data atau maklumat menepati ujian yang ditetapkan. Kandungan dan format dokumen **User Acceptance Test (UAT)** akan ditentukan bersama oleh pihak Kerajaan Negeri dan Petender apabila tender telah ditawarkan.

3.14 Tempat Dan Masa Penghantaran

- i. Sebelum membuat penghantaran, petender dikehendaki menghubungi pihak Pusat PEGIS, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara bersurat untuk memberitahu jadual penghantaran. Penyerahan hendaklah dibuat semasa waktu pejabat.
- ii. Semua kuantiti data atau maklumat yang dipesan hendaklah dihantar, dipasang dan diuji di:-

Pusat PEGIS,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Tingkat 48, Bangunan KOMTAR,
10503 Pulau Pinang.
- iii. Petender yang berjaya adalah dikehendaki menyempurnakan pembekalan dan penghantaran semua data atau maklumat data atau maklumat berkenaan tidak lewat daripada tiga (3) hingga empat (4) minggu daripada tarikh surat setuju terima.

3.15 Pembayaran

- i. Kerajaan Negeri akan memulakan pembayaran selepas semua data atau maklumat dipasang dan beroperasi, kontrak perjanjian ditandatangani dan dokumen-dokumen berikut diterima oleh Kerajaan Negeri:
 - a) Inbois - tiga (3) salinan; (termasuk satu (1) salinan asal).
 - b) Dokumen Akuan Penerimaan.
 - c) Dokumen User Acceptance Test.
- ii. Pembayaran yang dibuat tidak boleh dianggap sebagai perakuan bahawa barang-barang itu adalah mengikut kualiti yang dikehendaki. Bayaran oleh Kerajaan Negeri tidak melepaskan petender atas tanggungjawab yang berkaitan di dalam kontrak ini.
- iii. Semua pembayaran adalah di dalam Ringgit Malaysia (RM).

3.16 Denda Lewat Bekal dan Pemasangan

- i. Petender yang berjaya mestilah menyempurnakan kontrak pembekalan dan pemasangan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam kontrak.
- ii. Petender yang berjaya akan dikenakan denda sekiranya kelewatan yang berlaku adalah berpunca daripada pembekal sendiri. Cara perkiraan denda tersebut adalah mengikut formula berikut:-

Formula bagi mengenakan denda:

$$\text{Denda} = \frac{V(T+D)}{T} \times 5\%$$

di mana ;

V : Nilai harga barang yang lewat dibekalkan

T : Tempoh bekalan mengikut Kontrak (dalam hari)

D : Bilangan hari yang lewat

3.17 Tempoh Sah Laku

- i. Semua harga yang ditawarkan hendaklah sah laku (*valid*) dalam **tempoh tidak kurang daripada 180 hari** daripada tarikh tender ditutup.
- ii. Mana-mana petender yang mengemukakan tempoh sah laku kurang daripada masa yang ditetapkan (180 hari) **TIDAK** akan dipertimbangkan.

SENARAI SEMAK

**TENDER BAGI “PEMBANGUNAN DATA *LIGHT DETECTION AND RANGING* (LIDAR)
DAN ORTOFOTO BAGI KAWASAN DAERAH SEBERANG PERAI UTARA UNTUK
PANGKALAN DATA GIS NEGERI PULAU PINANG”**

Arahan :

Sila tandakan (\checkmark) dalam kotak yang disediakan bagi perkara-perkara yang wajib disertakan/disempurnakan seperti di bawah berikut :

- | | | |
|----|---|--------------------------|
| 1. | Keterangan Mengenai Petender (LAMPIRAN B) | <input type="checkbox"/> |
| 2. | Surat Akuan Petender (LAMPIRAN C) | <input type="checkbox"/> |
| 3. | Surat Akuan Pembida (LAMPIRAN D) | <input type="checkbox"/> |
| 4. | Jadual Spesifikasi Teknikal (LAMPIRAN E) | <input type="checkbox"/> |
| 5. | Skop Pelaksanaan Kerja (LAMPIRAN F) | <input type="checkbox"/> |
| 6. | Jadual Senarai Harga (LAMPIRAN G) | <input type="checkbox"/> |
| 7. | Arahan Perbendaharaan 170 (LAMPIRAN Q) | <input type="checkbox"/> |
| 8. | Lain - lain maklumat yang WAJIB disertakan :- | |
| | • Kertas Cadangan Pelan Pelaksanaan Projek | <input type="checkbox"/> |
| | • Salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang berkenaan atau yang berkaitan. | <input type="checkbox"/> |
| | • Salinan Sijil Akuan Bumiputera daripada Kementerian Kewangan Malaysia (Jika Ada). | <input type="checkbox"/> |
| | • Salinan Resit Rasmi Pembelian dokumen tender melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP). | <input type="checkbox"/> |
| | • Katalog bagi setiap peralatan ditawarkan | <input type="checkbox"/> |
| | • Penyata Kewangan Teraudit Terkini | <input type="checkbox"/> |
| | • Penyata bulanan akaun bank terkini iaitu baki bagi 3 bulan untuk bulan November 2015, Disember 2015 dan Januari 2016 | <input type="checkbox"/> |
| | • Maklumat / Profail Syarikat | <input type="checkbox"/> |

Saya dengan ini mengaku bahawa semua dokumen wajib di atas telah dilampirkan bersama-sama dokumen Tawaran Tender.

Sekian, dimaklumkan.

Tandatangan Petender :

Nama :

Jawatan :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

Cop Rasmi Syarikat :

KETERANGAN MENGENAI PETENDER

1. Nama Syarikat :
2. Alamat Syarikat :
.....
.....
.....
.....
3. No. untuk dihubungi :
 - i. Telefon :
 - ii. Faks. :
 - iii. emel :
4. Tarikh Syarikat ditubuhkan :
5. Jenis perniagaan :
6. Taraf : Bumiputera* Bukan Bumiputera
*(*Sila sertakan Sijil Akuan Bumiputera dari Kementerian Kewangan Malaysia)*
7. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkenaan atau yang berkaitan bagi maksud tender ini. Sila nyatakan kod bidang dan sub bidang. (Salinan sijil perlu disertakan) :
.....
8. Tarikh tamat pendaftaran (Kementerian Kewangan Malaysia) :
.....
9. Pejabat cawangan :

BIL.	NAMA CAWANGAN	NEGERI	JUMLAH KAKITANGAN TEKNIKAL

10. Pengalaman

Sila senaraikan butir-butir pengalaman dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan “Pembangunan Data *Light Detection and Ranging* (LiDAR) dan Ortofoto” bagi tempoh 5 tahun lepas sekiranya ada. Sila gunakan lampiran jika ruangan di dalam **Jadual 1.0 (Pengalaman)** tidak mencukupi.

BIL.	TAJUK PEMBEKALAN	JABATAN/ SYARIKAT	HARGA KONTRAK (RM)	TEMPOH SIAP (BULAN)	TAHUN DISIAPKAN

Jadual 1.0 (Pengalaman)

11. Senaraikan kontrak kerja semasa bagi tahun 2016 di dalam **Jadual 2.0 (Kerja Semasa)** berikut :

BIL.	TAJUK PEMBEKALAN	JABATAN/ SYARIKAT	HARGA KONTRAK (RM)	TEMPOH SIAP (BULAN)

Jadual 2.0 (Kerja Semasa)

**Sila gunakan lampiran tambahan jika ruangan tidak mencukupi.*

Dilengkapkan dan disahkan oleh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Cop Syarikat :

Tarikh :

SURAT AKUAN PETENDER

Yang Berhormat,
Setiausaha Kerajaan Negeri,
Pejabat Setiausaha Kerajaan,
Tingkat 25, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang.

Yang Berhormat,

Tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat yang berkembar, saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini dengan ini mengambil bahagian menender dan menawarkan untuk membekalkan, menghantar, memasang dan menguji semua barangan yang dinyatakan di dalam jadual kontrak termasuklah mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan di bahagian Arahan dan Syarat-Syarat Tender di dalam dokumen tawaran tender ini.

2. Saya menurunkan tandatangan di bawah ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan semua syarat-syarat kontrak dan spesifikasinya kepada item yang ada di dalam jadual tender dan juga bersetuju di atas harga yang ditawarkan sebagai asas perkiraan bagi pembayaran kepada alatan yang dibekalkan yang mana telah dipesan oleh Kerajaan Negeri.

3. Dengan ini juga difahami bahawa Kerajaan Negeri berhak menerima atau menolak sebarang tender ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan tender-tender yang lain. Saya juga bersetuju untuk menerima ke semua atau sebahagian dari butir-butir yang ditawarkan dan sedia mengikut kehendak dan pertimbangan Kerajaan Negeri. Saya juga **BERSETUJU BAHAWA HARGA TENDER YANG SAYA BERI INI AKAN LAKU (VALID) DAN TIDAK DITARIK BALIK DALAM TEMPOH SATU RATUS LAPAN PULUH (180) HARI DARI TARIKH TUTUP TENDER.**

4. Selanjutnya saya bersetuju sekiranya tender saya diterima, saya akan mengikat perjanjian kontrak dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh terima surat tawaran dari Kerajaan Negeri.

5. Saya juga mengesahkan, setelah menyemak sendiri iaitu semua dokumen yang digunakan untuk tender ini adalah yang sebenar yang terdapat di dalam Dokumen Tender.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Dilengkapkan dan disahkan oleh :-

Tandatangan Petender :

Nama Petender :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Cop Syarikat :

Tarikh :

Tandatangan Saksi :

Nama Saksi :

No. Kad Pengenalan :

Alamat Saksi :

.....

.....

.....

Tarikh :

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

.....

Saya Nombor K.P.
yang mewakili
nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa
saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi
rasuah kepada mana-mana individu dalam
atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga * seperti di
atas. Bersama-sama ini dilampirkan surat Perwakilan kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti
tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
..... atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih
dalam tender/sebut harga * seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-
tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga * di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga * di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-
mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam
tender/sebut harga * seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau
balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

()

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

(Tajuk dan Nombor Tender/ Sebutharga)
.....

Saya **(Nama Wakil Syarikat)** Nombor K.P.
yang mewakili **(Nama Syarikat)**
nombor Pendaftaran **(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)** dengan ini mengisytiharkan bahawa
saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi
rasuah kepada mana-mana individu dalam **(Nama Kementerian/Agensi)**
atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga * seperti di
atas. Bersama-sama ini dilampirkan surat Perwakilan kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti
tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **(Nama Kementerian/**
..... **Agensi)** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih
dalam tender/sebut harga * seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-
tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga * di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga * di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-
mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam
tender/sebut harga * seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau
balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan

JADUAL SPESIFIKASI TEKNIKAL

BIL.	SPESIFIKASI TEKNIKAL MINIMUM	SPESIFIKASI DITAWARKAN (DIISI OLEH PETENDER)	PENILAIAN TEKNIKAL (DIISI OLEH JABATAN)
A	<i>LiDAR SURVEY COVERAGE</i>		
A1	The Area of Interest (Aoi) for this project covers 267 km ² which covers whole of Daerah Seberang Perai Utara as shown in the following Figure E1		
B	<i>FLIGHT PLANNING</i>		
B1	Sidelap of 25% between swathes		
B2	Half-scan angle of 20 Degrees		
B3	LiDAR pulse footprint of under 0.4m		
B4	Measurement of up to 4 intensity readings per pulse, with 12-bit dynamic range		
B5	Data accuracy of at least 0.15m over flat terrain		
B6	Single-swathe point density of at least 1.2 pts/m ²		

BIL.	SPESIFIKASI TEKNIKAL MINIMUM	SPESIFIKASI DITAWARKAN (DIISI OLEH PETENDER)	PENILAIAN TEKNIKAL (DIISI OLEH JABATAN)
B7	Average single-swathe point spacing of at least 0.8m		
B8	An average point spacing under canopy of around 2m (at 40% canopy penetration)		
B9	An average point measurement of 3.6 pts/m ² or greater (based on singles wathe coverage, and measurement of 4 discrete returns per pulse)		
B10	Maximum point spacing of less than 1.6m along track and 0.9m across track		
C	<i>LiDAR DATA PROCESSING</i>		
C1	LAS 1.2 or later format with metadata requirement		
C2	LiDAR provided of at least 0.15m RMSE over flat terrain with average point density of at least 1.2 pts/m ²		
C3	Average point spacing of at least less than 0.8m		

BIL.	SPESIFIKASI TEKNIKAL MINIMUM	SPESIFIKASI DITAWARKAN (DIISI OLEH PETENDER)	PENILAIAN TEKNIKAL (DIISI OLEH JABATAN)
C4	Maximum point spacing of less than 1.6m along track and 0.9m across track		
C5	Data will be produced in 1km x 1km tiling system		
C6	Colour intensity imagery at 1 meter ground spatial distance		
C7	Penang Cassini GDM2000 projection		
D	<i>DIGITAL SURFACE MODEL (DSM)</i>		
D1	LiDAR DSM data with accuracy of at least 0.15m (RMSE)		
D2	An average scan density of at least 1.2 pts/m ² (based on single-swathe coverage)		
D3	An average point spacing of at least less than 0.8m (based on single-swathe coverage)		
D4	An average point measurement of 2.4 pts/m ² or greater (based on single-swathe coverage and measurement of 4 discrete returns per pulse)		

BIL.	SPESIFIKASI TEKNIKAL MINIMUM	SPESIFIKASI DITAWARKAN (DIISI OLEH PETENDER)	PENILAIAN TEKNIKAL (DIISI OLEH JABATAN)
D5	Delivered in Tiling: 1km x 1km tiling		
D6	Resolution: 1m derived from all LiDAR strikes.		
D7	File Format: ASCII GRID and GeoTIFF		
E	<i>DIGITAL TERRAIN MODEL (DTM)</i>		
E1	LiDAR DTM data accuracy of at least 0.15m (RMSE) derived from DSM.		
E2	Delivered in Tiling: 1km x 1km tiling		
E3	Resolution: 1m derived from all LiDAR strikes.		
E4	File Format: ASCII GRID and GeoTIFF		
F	<i>GENERATION OF 1M CONTOUR</i>		
F1	1m contour based on the generated DTM from LiDAR data . Contour will be delivered in shapefile.		

BIL.	SPESIFIKASI TEKNIKAL MINIMUM	SPESIFIKASI DITAWARKAN (DIISI OLEH PETENDER)	PENILAIAN TEKNIKAL (DIISI OLEH JABATAN)
G	<i>DIGITAL ORTHOPHOTOGRAPHY (DOP)</i>		
G1	An orthophoto imagery of Seberang Perai Utara		
G2	Resolution of better than 0.25m for production of 1:2,000 scale DOPs		
G3	Cover the total extent of planimetric and topographic mapping		
G4	DOP file shall be in a seamless JPEG file		
G5	Advanced feature extraction from LiDAR & orthoimagery – 3D built structures (including buildings, HVTL), coded with attributes for height & footprint		
H	<i>TOPOGRAPHICAL FEATURE EXTRACTION</i>		
H1	To extract any visible features that clearly can be indentify from LiDAR point cloud and satellite imagery. The main features that will be extracted from the LiDAR data as listed below:		

BIL.	SPESIFIKASI TEKNIKAL MINIMUM	SPESIFIKASI DITAWARKAN (DIISI OLEH PETENDER)	PENILAIAN TEKNIKAL (DIISI OLEH JABATAN)
	i) Forest ii) Industry iii) Mangroves iv) Paddy v) Road Network (polygon) vi) Urban vii) Oil Palm viii) Rubber ix) Cleared Land x) Vegetation xi) Village xii) Drainage (exposed) xiii) River Network (polygon) xiv) Water Body		
H2	These feature layers will be delivered in shapefile		
I	STANDARDS AND FORMAT		
I1	Map Projection Type: Penang Cassini GDM2000 projection		
I2	Projection Unit: Meter		

BIL.	SPESIFIKASI TEKNIKAL MINIMUM	SPESIFIKASI DITAWARKAN (DIISI OLEH PETENDER)	PENILAIAN TEKNIKAL (DIISI OLEH JABATAN)
I3	Vector data : Malaysian Standard MS 1759:2004, Geographic Information / Geomatics –Features and Attribute Codes		
I4	Vector data : Malaysian Metadata Standard (MMS) 19115		
I5	Data Quality will follow and comply with MyGDI standard requirement		
J	GLOBAL MAPPER SOFTWARE		
J1	Global Mapper v17 or higher		
J2	Global Mapper LiDAR Module v17 or higher		
J3	Training		

Dilengkapkan dan disahkan oleh :-

Tandatangan Petender :


Nama Petender :

Jawatan :

Cop Syarikat :

Tarikh :

FIGURE E1 : AREA OF INTEREST FOR THIS PROJECT WHICH COVERS DAERAH SEBERANG PERAI UTARA



SKOP PELAKSANAAN KERJA

1.0 Pihak tuan perlu memenuhi skop kerja seperti berikut:

1.1 Melaksanakan kerja-kerja pembangunan *Data Light Detection and Ranging* (LiDAR) dan ortofoto bagi kawasan daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dengan mematuhi skop pembekalan dan pelaksanaan kerja di bawah;

Bil.	Butiran Kerja / Perkhidmatan
1	<p>LiDAR DATA COMPLETION WORK</p> <ul style="list-style-type: none"> i) To commission the use of LiDAR data and Vector Data supplied to be used in the existing GIS, remote sensing and mapping environment available at Department site. ii) To overlay accurately vector line datasets provided by the Department onto the LiDAR DSM and DTM respectively and overlay the same. iii) Vector data will follow and comply to: <ul style="list-style-type: none"> a) Malaysian Standard MS 1759:2004, Geographic Information/Geomatics - Features and Attribute Codes (MS 1759). b) Malaysian Metadata Standard (MMS) 19115. c) Feature Symbol and Colour Code Geoname. d) Format : .MXD and .SHP. iv) To provide the process of data conversion, migration and data entry to generate seamless geospatial database and in line with the GDC. v) The overall process of metadata preparation will follow and comply with Malaysian Metadata Standard (MMS) 19115.

Bil.	Butiran Kerja / Perkhidmatan
	<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="523 353 1417 461">vi) The process of Data Quality will follow and comply with MyGDI standard requirement to derive all the deliverables as specified. <li data-bbox="523 577 1417 719">vii) The overall data entry must be based on feature dataset generated from LiDAR data that comply with MS1759 Geographic Information / Geomatics –Features and Attribute Codes. <li data-bbox="523 790 1417 864">viii) To perform Data Quality Checking process for LiDAR and Vector Data before submitting the final output.
2	<p data-bbox="512 936 1075 972">Digital Surface Model (DSM) Product</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="523 1043 1417 1117">i) To deliver LiDAR DSM data with accuracy of at least 0.15m (RMSE). <li data-bbox="523 1189 1417 1263">ii) An average scan density of at least 1.2 pts/m² (based on single-swathe coverage). <li data-bbox="523 1335 1417 1408">iii) An average point spacing of at least less than 0.8m (based on single-swathe coverage). <li data-bbox="523 1480 1417 1588">iv) An average point measurement of 2.4 pts/m² or greater (based on single-swathe coverage and measurement of 4 discrete returns per pulse). <li data-bbox="523 1659 1417 1733">v) Maximum point spacing of less than 1.6 m along-track, and 0.9 meter. <li data-bbox="523 1805 1417 1879">vi) An average point spacing under canopy of around 2.5 m (at 40% canopy penetration) cross-track.

Bil.	Butiran Kerja / Perkhidmatan
	<ul style="list-style-type: none"> vii) Specification for our LiDAR DSM point cloud (LiDAR intensity): <ul style="list-style-type: none"> a) Delivered in Tiling: 1 km x 1 km tiling. b) Resolution: Colour LIDAR Intensity (CLI) Image at 1meter. c) File Format: In space-delimited ASCII XYZicn, of classified LiDAR strike and LAS format. viii) Specification for gridded DSM (raster) mosaics as follow ; <ul style="list-style-type: none"> a) Delivered in Tiling: 1 km x 1 km tiling. b) Resolution: 1 meter derived from all LiDAR strikes. c) File Format: ASCII GRID and Geotiff. ix) The DSM data will be delivered in a format that can be utilised and analysed using commercial mapping, remote sensing and GIS software. x) The Medium for data delivery - will be delivered in External Hard Disk with 1TB space capacity. xi) Auxiliary Metadata: Metadata in XML file format. xii) Coordinate System: <ul style="list-style-type: none"> a) Map Projection Type: Penang Cassini b) Reference datum: GDM2000 c) Projection Unit: Meter
3	<p>Digital Terrain Model (DTM)</p> <ul style="list-style-type: none"> i) A Digital Terrain Model (DTM), in space-delimited ASCII XYZicn* file format, of thinned LiDAR ground strikes, delivered at 1km x 1km tiling.

Bil.	Butiran Kerja / Perkhidmatan
	<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="523 353 1417 427">ii) To deliver LiDAR DTM data accuracy of at least 0.15 m (RMSE) derived from DSM. <li data-bbox="523 499 1417 779">iii) LiDAR DTM point cloud (LiDAR intensity): <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="603 589 1209 622">a) Delivered in Tiling: 1 km x 1 km tiling. <li data-bbox="603 629 1417 703">b) Resolution: Colour LIDAR Intensity (CLI) Image at 1 meter. <li data-bbox="603 710 1417 779">c) File Format: In space-delimited ASCII XYZicn, of classified LiDAR Strike and LAS format. <li data-bbox="523 857 1417 1070">iv) Gridded DTM (Raster) Mosaics: <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="603 947 1209 981">a) Delivered in Tiling: 1 km x 1 km tiling. <li data-bbox="603 987 1401 1021">b) Resolution: 1 meter derived from all LiDAR strikes. <li data-bbox="603 1028 1209 1061">c) File Format: ASCII GRID and Geotiff. <li data-bbox="523 1144 1417 1211">v) To generated contours line, at intervals of 1m, derived in .MXD, SHP, .DGN and .DXF format. <li data-bbox="523 1283 1417 1384">vi) The generated contours line can be utilised and analysed using commercial mapping, remote sensing and GIS software. <li data-bbox="523 1462 1417 1529">vii) Medium of delivery: LiDAR DTM data shall be in External Hard Disk with 1TB space capacity. <li data-bbox="523 1603 1289 1637">viii) Auxiliary Metadata: Metadata in XML file format. <li data-bbox="523 1709 1417 1921">ix) Coordinates System: <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="603 1798 1225 1832">a) Map Projection Type: Penang Cassini. <li data-bbox="603 1839 1098 1872">b) Reference datum: GDM2000. <li data-bbox="603 1879 1002 1912">c) Projection Unit: Meter.

Bil.	Butiran Kerja / Perkhidmatan
4	<p>Generation of 1m Contour</p> <p>To generate and deliver 1 meter contour based on the generated DTM from LiDAR data . Contour will be delivered in shapefile.</p>
5	<p>Orthophoto Imagery</p> <p>To provide an orthophoto imagery of Seberang Perai Utara.</p> <p>Advanced feature extraction from LiDAR & orthoimagery – 3D built structures (including buildings, HVTL), coded with attributes for height & footprint</p>
6	<p>Topographical Feature Extraction from LiDAR Data and Satellite Imagery</p> <p>To extract any visible features that clearly can be indentify from LiDAR point cloud and satellite imagery.</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Forest ii) Industry iii) Mangroves iv) Paddy v) Road Network (polygon) vi) Urban vii) Oil Palm viii) Rubber ix) Cleared Land x) Vegetation xi) Village xii) Drainage (exposed) xiii) River Network (polygon) xiv) Water Body <p>These feature layers will be delivered in shapefile .</p>

Bil.	Butiran Kerja / Perkhidmatan
7	To provide Global Mapper Licenses and Training
	i) Glober Mapper v17 ii) Global Mapper LiDAR Module iii) Training

JADUAL SENARAI HARGA

BIL.	PERIHAL BARANG/KERJA/PERKHIDMATAN	UNIT	KUANTITI	KOS SEUNIT (RM)	KOS KESELURUHAN (RM)
1	Preparation work/mobilisation	LS			
2	To Capture LiDAR Data of Seberang Perai Utara Area	km ²	267		
3	<p>To carry out LiDAR data processing to generate the following deliverables :</p> <p>i) To produce the digital terrain model (DTM). Delivery in ESRI Grid & shapefile format.</p> <p>ii) To produce the digital surface model (DSM). Delivery in ESRI Grid & shapefile format.</p> <p>iii) To generate 1 meter contour. Delivery in ESRI Grid & shapefile format.</p>	km ²	267		

BIL.	PERIHAL BARANG/KERJA/PERKHIDMATAN	UNIT	KUANTITI	KOS SEUNIT (RM)	KOS KESELURUHAN (RM)
4	To capture orthophoto for Seberang Perai Utara Advanced feature extrction from LiDAR & orthoimagery – 3D built structures (including buildings, HVTL), coded with attributes for height & footprint	km ²	267		
5	Landcover Mapping To generate landcover mapping of forest, industry, mangroves, paddy, road network (polygon), urban, oil palm, rubber, cleared land, vegetation, village, drainage (exposed), river network (polygon) and water body.	km ²	267		
6	To provide Global Mapper Licenses and Training i) Globber Mapper v17 ii) Global Mapper LiDAR Module iii) Training	License License Pax	2 2 5		
7	Others				
JUMLAH BESAR (RM)					

Nota :

Petender dibenarkan menggunakan borang sendiri tetapi mengikut format borang yang sama sekiranya ruang tidak mencukupi.

Dilengkapkan dan disahkan oleh :-

Tandatangan Petender :

Nama Petender :

Jawatan :

Cop Syarikat :

Tarikh :

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga
PSUKPP/TENDER/1/2016

(Kew. 284-Pin 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI..... PULAU PINANG.....
TENDER UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Kepada (Nama Syarikat)..... | Pelawaan tender ini dikeluarkan oleh
..... | Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)
No. Telefon:..... | **PUSAT PEGIS, PEJABAT SETIAUSAHA**
No. Pendaftaran dengan Kementerian | **KERAJAAN, TINGKAT 48, KOMTAR,**
Kewangan :..... | **10503 GEORGE TOWN, PULAU PINANG.**
Kod Bidang Pendaftaran yang relevan |
dengan pembelian ini..... **221201** |
No. Telefon :..... **04-6505402 / 2636217**
Tarikh :..... **22 Februari 2016**.....

1. Sila beri tawaran tender untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan..... **Seperti di dalam Arahan Dan Syarat-Syarat Tender (rujuk Kenyataan Tender)**
 - 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki..... **Seperti di dalam Arahan Dan Syarat-Syarat Tender (rujuk Kenyataan Tender)**
 - 1.3. Arahan pengiriman..... **Hantar dengan tangan (*hand carry*) atau pos.**
 - 1.4. Tender hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri dan bertanda No. Tender..... **PSUKPP/TENDER/1/2016** ..
 - 1.5. Tender hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari..... **15 Mac 2016 (Selasa)**
 - 1.6. Tempoh sah laku sebut harga tersebut hendaklah **180**hari selepas tarikh tutup.

*Tarikh:..... **22 Februari 2016**.....

*Tandatangan:.....

*Nama Pegawai:..... **ABDUL AZHAR BIN IBRAHIM**.....

*Jawatan:..... **Penyelaras Pusat PEGIS**.....

*Nota: *Untuk diisi oleh Jabatan yang mengeluarkan kenyataan Tender sahaja.*

Bil.	Perihal barang-barang/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
*Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebutharga	
1	<p>TENDER BAGI “PEMBANGUNAN DATA LIGHT DETECTION AND RANGING (LIDAR) DAN ORTOFOTO BAGI KAWASAN DAERAH SEBERANG PERAI UTARA UNTUK PANGKALAN DATA GIS NEGERI PULAU PINANG”</p> <p>Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan ditawarkan. Seperti di dalam Arahan Dan Syarat-Syarat Tender (rujuk Kenyataan Tender)</p>	<p>Sila rujuk Jadual Senarai Harga. (LAMPIRAN G)</p>			
				Jumlah	

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan ialah.....**Seperti di dalam Arahan Dan Syarat-Syarat Tender (rujuk Kenyataan Tender)**.....

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Petender :.....

Nama:.....

No.K/P:.....

Alamat
Syarikat:.....

.....

Tarikh.....

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

1. **KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. **HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. **SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. **BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. **PERSETUJUAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. **PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. **PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. **PENOLAKAN**

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;

- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. **PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. **TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. **INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.

**BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG
KELUARAN MALAYSIA**

12. **CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. **PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. **PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.